



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA
KEBANGSAAN TAHUN 2023 BERTEMA “MEMBANGUN OKU
MADANI”**

**HOTEL RIVERSIDE MAJESTIC
3 DISEMBER 2023 (AHAD) | 7.30 PETANG**

Kemas kini 30 November 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Terima kasih kepada pengacara majlis,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang sangat bermakna pada malam ini iaitu **Majlis Perasmian Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan Tahun 2023.**
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk Sebelum saya meneruskan ucapan ini, **izinkan saya untuk menyampaikan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg. Dato' KSU KPWKM, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM), Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri**

Sarawak serta seluruh warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis yang penuh gemilang ini.

TEMA DAN OBJEKTIF

3. Tema Sambutan Hari Orang Kurang Upaya pada tahun 2023 ini ialah “**Membangun OKU MADANI**”. Ini selaras dengan tema yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu ***United in action to rescue and achieve the SDGs for, with and by Persons with Disabilities***. Kami telah bersetuju

untuk mengadaptasi tema ini kepada tema yang bersesuaian dengan budaya masyarakat kita.

4. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tarikh **3 Disember** sebagai Hari OKU Antarabangsa. Ini merupakan hari yang penuh bermakna bagi warga OKU di seluruh dunia sejak tahun 1992. Selaras dengan ketetapan ini, Kerajaan Malaysia juga menyambut Hari OKU pada 3 Disember setiap tahun.

5. **Objektif utama sambutan Hari OKU** adalah untuk memberi penghargaan, meraikan pencapaian dan sumbangan OKU ke arah membangun masyarakat inklusif. Justeru, pada malam ini saya berasa bangga kerana dapat berkongsi kegembiraan bersama-sama semua pihak termasuk *stakeholders* yang terlibat dalam meningkatkan kesejahteraan OKU di negara kita.

6. Kehadiran anda semua dalam majlis ini memperkukuh keyakinan saya akan sokongan dan usaha bersama semua pihak terhadap usaha Kerajaan dalam memelihara kepentingan OKU.

Sidang Hadirin Yang Dihormati,

INISIATIF DAN PENCAPAIAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2023

7. Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan beberapa bantuan atau program bagi membantu meningkatkan kualiti hidup Orang Kurang Upaya. Antara inisiatif membangunkan OKU MADANI yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

7.1 Seminar Kesedaran Autisme Peringkat Negeri Sarawak 2023

Seminar Kesedaran Autisme Peringkat Negeri Sarawak 2023 telah diadakan pada 28 Oktober 2023 dan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak. Di antara objektif penganjuran seminar ini adalah seperti berikut:

- (i) Mempromosikan disiplin kesedaran sebagai alternatif dan kaedah dalam penyelesaian serta pengesanan awal autisme;

- (ii) Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan perkongsian pengalaman di kalangan ibu bapa bersama pakar-pakar bidang berkenaan isu-isu yang berkaitan autisme; dan
- (iii) Menyediakan platform kepada ibu bapa, penjaga dan masyarakat mendapatkan maklumat tepat tentang autisme daripada pakar-pakar berkaitan.

Pada pandangan saya, seminar seperti ini sepatutnya dilaksanakan seluruh negara mulai tahun 2024.

7.2 Kenaikan Elaun Pelatih di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dalam Peruntukan Belanjawan 2024

Seramai **19,002** OKU sedang menerima perkhidmatan di **566** buah PPDK di seluruh negara sehingga **Oktober 2023**. KPWKM merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2024 telah mengumumkan kenaikan **kadar Elaun Pelatih PPDK** daripada **RM150** sebulan kepada **RM300** sebulan

(berjumlah RM3,600 setahun). Kenaikan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam menyantuni OKU ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti ini.

7.3 Pembangunan Modul Intervensi Awal Kanak-Kanak OKU

KPWKM juga merancang untuk membangunkan **Modul Intervensi Awal Kanak-Kanak OKU** yang melibatkan semua kategori OKU, sebagai panduan kepada pengusaha dan pengasuh di TASKA OKU. Pembangunan modul ini melibatkan sub modul Perkembangan Fizikal, kognitif,

bahasa, komunikasi dan literasi awal, perkembangan kreativiti dan estetika, perkembangan sosial emosi, pengurusan diri, komunikasi, aktiviti berdasarkan tahap umur dan sebagainya.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membangunkan modul pengasuhan bagi kanak-kanak orang kurang upaya. Modul yang akan dibangunkan ini adalah berasaskan kepada konsep dan prinsip pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak OKU.

7.4 Memperkasa Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)

Sehingga **31 Oktober 2023** terdapat **681,074 OKU** berdaftar di bawah tujuh (7) kategori ketidakupayaan berdasarkan janaan **Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU)**. Kelebihan pendaftaran ini membolehkan mereka menikmati hampir **30 kemudahan dan keistimewaan** yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan swasta. Bagi mempelbagaikan kemudahan dan keistimewaan yang disediakan untuk

komuniti OKU, saya ingin mencadangkan agar masyarakat khususnya syarikat swasta bersama-sama menambah kepada penambahan bilangan kemudahan dan keistimewaan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya percaya masih ramai lagi di luar sana yang tidak tahu atau belum membuat pendaftaran OKU. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada semua peringkat lapisan masyarakat agar membantu OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

7.5 Pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) giat melaksanakan semakan terhadap Akta ini yang telah bermula sejak awal tahun 2022. Sehingga 31 Oktober 2023, KPWKM telah membuat semakan terhadap Akta ini **bersama golongan profesional termasuk ahli akademik, perundangan, wakil Persatuan OKU dan OKU sendiri berdasarkan pendekatan multi disiplin.**

Tujuan pindaan Akta adalah memberi ruang dalam penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada OKU. Kita percaya bahawa OKU perlu mengambil bahagian dalam semakan Akta ini supaya suara komuniti ini dapat diterjemahkan di bawah perundangan.

7.6 Menyediakan Perkhidmatan TASKA OKU

Bermula tahun 2013, Kerajaan dengan kerjasama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah beroperasi sebanyak **11 buah TASKA OKU** bagi enam (6) kategori yang merangkumi

Sindrom Down, Autisme, Penglihatan, Pendengaran, Fizikal dan Pembelajaran. **TASKA OKU Autisme di Sibu**, Sarawak merupakan TASKA yang pertama ditubuhkan khas untuk kanak-kanak Autisme.

Saya ingin mencadangkan bahawa perkhidmatan TASKA OKU dapat diperluaskan ke seluruh negeri dengan kolaborasi NGO dan syarikat swasta.

7.7 Memperluaskan Penyebaran Maklumat Orang Kurang Upaya Melalui Media Massa

Media massa bukan sekadar berperanan menyampaikan maklumat dan dasar Kerajaan, sebaliknya juga penting sebagai medium mendapatkan maklum balas keberkesanan pelaksanaan sesuatu program. Sehubungan itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak seperti NGO, pemimpin setempat, individu dan semua pihak yang turut sama mempromosikan program-program KPWKM yang melibatkan OKU melalui media massa termasuk televisyen, radio, akhbar dan media sosial seperti blog,

Facebook, Tik Tok, Instagram, Twitter, Telegram dan sebagainya.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah yang terpilih. Kemenangan ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan kepada mereka dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyantuni OKU. Tahniah saya ucapkan!

9. Saya berharap agar sambutan ini menjadi teras kepada semangat untuk meningkatkan kesedaran dan membentuk masyarakat MADANI terhadap golongan OKU terutamanya dari segi hak, peluang dan akses yang sama dalam masyarakat, dan mereka tidak merasa tersisih dan dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara.

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada malam ini.

Duduk berkelah di tepi perigi

Burung di dahan nyanyi senada

Kita menyumbang cara sendiri

Kurang bukan bererti tiada

Saya dengan sukacita merasmikan **SAMBUTAN HARI ORANG
KURANG UPAYA KEBANGSAAN TAHUN 2023.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3 DISEMBER 2023